

40

LIPUTAN BERITA-BERITA PILIHANRAYA UMUM MALAYSIA 1986 :  
ANALISA KANDUNGAN  
AKHBAR UTUSAN MALAYSIA DAN BERITA HARIAN.

KAMAL AMLI HAJI ALIAS

BAHAGIAN KOMUNIKASI  
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
PULAU PINANG  
1986 / 87



LIPUTAN BERITA-BERITA PILIHANRAYA UMUM MALAYSIA 1986:

ANALISA KANDUNGAN

AKHBAR UTUSAN MALAYSIA DAN BERITA HARIAN

KAMAL AMLI ALIAS



BAHAGIAN KOMUNIKASI

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

1986/87

LIPUTAN BERITA-BERITA PILIHANRAYA UMUM MALAYSIA 1986:

ANALISA KANDUNGAN

AKHBAR UTUSAN MALAYSIA DAN BERITA HARIAN

KAMAL AMLI ALIAS

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN KEPADA UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT

PENGIJAZAHAN IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA (KEPUJIAN)

DALAM BIDANG KOMUNIKASI MASSA

Untuk Abah dan Encik yang paling disayangi...

pengorbanan kalian selama ini tidak mungkin dapat ku balas  
...semoga Allah S.W.T. sahalalah yang membalasnya dengan shurga.  
Itulah yang selayaknya untuk kalian berdua. Aminn...

Untuk Akak dan Abang Pon yang dihormati...

wang ringgit kalian mungkin dapat ku balas. Tetapi pemberian  
yang beserta perasaan tanggungjawab dan kasih sayang itu,  
bagaimana mungkin dapat aku menjelaskannya semula...

Allah S.W.T.

berikan daku kekuatan iman agar tidak melupai dan mengingkariMu  
walau dalam keadaan apapun diriku ini. Aminn...

Yong, Yeop, Nyah, Abang Mat, Yang, Didi, Anis dan anak-anak  
saudaraku...

kasih sayang untuk kalian semua.

Che' Kama

Februari, 1987.



PENGHARGAAN

Pertama kali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana berkat taufik dan hidayahNya, dapat saya menyempurnakan Latihan Ilmiah ini. Alhamdulillah.

Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Penyelia Latihan Ilmiah saya, Puan Hamidah Abdul Hamid di atas tunjuk ajar, bimbingan serta teguran selama satu sesi saya cuba menyempurnakan kajian ini. Beliau sentiasa menolong dengan penuh timbang rasa dalam proses menyiapkan Latihan Ilmiah saya ini.

Tidak mungkin juga saya melupakan segala bentuk bantuan yang telah diberikan oleh pihak perpustakaan USM, pihak Utusan Malaysia serta Berita Harian, Perai, kerana telah membekalkan akhbar-akhbar yang menjadi sumber asas kajian ini dan tidak lupa juga kepada Saudara Abdul Aziz Ishak kerana telah sudi ditemuramah.

Ucapan terima kasih juga untuk Noor dan Ani kerana telah sudi menaip draf terakhir Latihan Ilmiah saya sepertimana yang dapat kita sama-sama tatapi sekarang ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih untuk semua kakitangan Bahagian Komunikasi atas segala kerjasama yang telah diberikan kepada saya.

Akhir sekali tidak lupa saya mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan Mazlan, Fauzi, Jaki, Andy, Mat, Munshi, Anang dll. yang telah memberi pandangan dari segi buah fikiran dan peransang di saat-saat saya dilanda kebuntuan.

Sesungguhnya segala sumbangan tenaga, buah fikiran dan peransang yang kalian semua berikan, telah menjadikan kajian ini suatu pengalaman yang amat menarik dan tidak mungkin dapat saya lupakan.

Kamal Anli Alias  
133, Jalan Siputeh  
32800 Parit, Perak  
Februari, 1987.

## SINOPSIS

Pilihanraya umum cun datang sekali dalam lima tahun, jadi ianya merupakan suatu peristiwa bersejarah bagi Malaysia sebuah negara yang mengamalkan konsep demokrasi penyertaan. Maka, adalah menjadi satu kerugian besar kepada bidang komunikasi atau sejarah politik tanahair sekiranya peristiwa ini tidak dirakamkan secara ilmiah untuk dijadikan khazanah atau sumber rujukan bagi generasi akan datang.

Jadi, dalam kontek kajian ini, pengkaji cuba mengukur sejauh manakah wujudnya peluang kepada parti-parti politik yang bertanding untuk menyalurkan ideologi masing-masing sewaktu kempen pilihanraya. Tujuannya adalah untuk melihat sama ada wujud demokrasi penyebaran Maklumat menerusi berita-berita pilihanraya di kedua-dua buah akhbar utama di Malaysia, iaitu Utusan Malaysia dan Berita Harian.

Kaedah penyelidikan analisa kandungan telah digunakan bagi menganalisa berita-berita kempen pilihanraya yang tersiar di kedua-dua buah akhbar tadi. Analisa secara kuantitatif digunakan bagi mendapatkan data-data tentang kekerapan, luas ruang (in. kol.) dan layanan yang diberikan kepada sesebuah berita itu dalam kiraan mata "attention score". Manakala analisa secara kualitatif pula adalah percubaan untuk meneroka kandungan nyata dan terpendam sesebuah berita itu dengan mengkaji arah pemberitaannya.

Dalam bab pertama kajian ini, pengkaji telah membincangkan empat alasan utama mengapa topik ini perlu dikaji. Alasan pertama ialah tentang penguasaan media massa tanpa batas oleh Barisan Nasional di musim pilihanraya. Kedua tentang kesahihan berita penarikan diri calon PAS bagi Kawasan Parlimen Kuala Kangsar. Ketiga tentang jurnalisme kartun yang telah digunakan sebagai alat propaganda pemerintah. Alasan terakhir adalah berkenaan dengan soal memberi ruang dan arah pemberitaan yang berat sebelah di antara pihak pemerintah dengan parti pembangkang. Bagi menjawab kesemua alasan kajian ini, 7 matlamat kajian telah dibentuk.

Bab kedua kajian ini pula membincangkan dengan kritis empat bentuk gejala yang sedang melanda corak kewartawanan Malaysia masa kini. Bab ini juga memaparkan peranan akhbar semasa pilihanraya, iaitu bagaimana besarnya peranan akhbar mempengaruhi pemikiran umum di saat-saat akhir hari pengundian.

Hasil daripada analisa data pula, 6 penemuan penting telah diperolehi. Enam hasil penemuan ini telah berjaya mencapai ketujuh-tujuh matlamat awal kajian ini dan pada masa yang sama ianya telah berjaya menjawab keempat-empat alasan kajian. Kesimpulan keseluruhan kajian ini mendapati bahawa demokrasi penyebaran maklumat menerusi akhbar masih wujud. Yakni peluang untuk menyalurkan maklumat masih ada TETAPI kebebasan untuk menyatakan ideologi menurut pandangan parti masing-masing tidak wujud. Keadaan ini hanya berlaku kepada parti-parti pembangkang dan tidak kepada komponen parti pemerintah.